



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 14 November 2016

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 27 TAHUN 2016

PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK DI LUAR KAWASAN PEJABAT

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil 25/2016 telah menetapkan bahawa semua program/projek yang hendak dilaksanakan di luar kawasan pejabat perlu dihantar dan mendapat kelulusan daripada Pengarah Bahagian masing-masing terlebih dahulu sebelum pelaksanaan projek/program tersebut dilaksanakan. Ianya perlu dikemukakan pada pertengahan bulan setiap bulan bagi bulan berikutnya. Contoh program untuk Disember 2016 perlu dihantar kepada Pengarah selewat-lewatnya pada pertengahan November 2016.

3. Permohonan bertugas luar termasuk tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa perlu diteliti dan diluluskan oleh Pengarah Bahagian masing-masing sebelum ianya dilaksanakan. Sehubungan dengan ini, sila guna format di bawah bagi menghantar permohonan untuk mengadakan program/projek di luar kawasan pejabat bagi tempoh satu bulan berkenaan untuk kelulusan Pengarah Bahagian masing-masing.

PROGRAM/PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN PADA BULAN DISEMBER 2016					
Bil	Program/Projek	Lokasi	Tarikh	Kos (RM)	Pegawai/ Anggota Pelaksana yang terlibat
1.					
2.					

Sekian, terima kasih .

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'

(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Kewangan dan Akaun